

Pemuda sokong Musa terus teraju kementerian

BH 20 JUN 2002

KUALA LUMPUR 19 Jun -- Pergerakan Pemuda UMNO menyatakan sokongan penuh kepada Tan Sri Musa Mohamad untuk terus menerajui Kementerian Pendidikan, walaupun terdapat pihak yang mempersoalkan kepimpinannya.

Ketua Penerangannya, Azimi Daim berkata, kementerian itu yang sekian lama diterajui oleh pemimpin Melayu terbukti dapat melaksanakan Dasar Pendidikan yang diterima oleh semua.

"Pemuda UMNO walaupun ahlinya muda tetapi kita tidak mudah melompat membuat undi tidak percaya kepada Musa walaupun ada orang lain yang lagi cepat melompat.

"Orang muda melompat kadangkala kadang cantik tetapi orang tua buruk rupanya," katanya ketika membentangkan usul terima kasih atas ucapan dasar Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Hishammuddin Tun Hussein pada Perhimpunan Agung pergerakan itu di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Beliau menambah Pemuda UMNO berdiri teguh di belakang Musa dan meminta ahli-ahli Pemuda menaruh kepercayaan kepada beliau, sebagai menteri yang datang daripada kalangan pemimpin UMNO.

UMNO Bahagian Senai pada Rabu lepas meluluskan undi tidak percaya terhadap Musa kerana didakwa gagal mempertahankan kepentingan pelajar bumiputera dengan pembukaan kuota 10 peratus di Maktab Rendah Sains Mara dan program matrikulasi untuk pelajar bukan bumiputera.

Menurut Azimi, cadangan menambah 10 peratus itu diputuskan oleh Kabinet dan sebarang undi tidak percaya kepada Musa juga bermakna meluluskan undi tidak percaya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, kerajaan dan negara.

Sementara itu Azimi berkata, Pemuda UMNO mendesak dengan apa cara sekalipun supaya Kementerian Pendidikan menubuhkan segera Fakulti Perubatan Universiti Teknologi Mara (UiTM) bagi melahirkan lebih ramai anak Melayu dalam bidang perubatan.

Azimi berkata, bagi mencapai matlamat itu satu dana perlu ditubuhkan bagi menampung kos penubuhan fakulti tersebut sekiranya ada keperluan berbuat demikian.

"Penubuhan fakulti itu juga boleh mendorong orang Melayu agar bersedia kembali ke kampung untuk berkhidmat sebagai doktor di kawasan luar bandar.

"Tolonglah dalam keadaan apa sekalipun, segerakan penubuhan Fakulti Perubatan UiTM supaya anak Melayu ingat jasa dan perjuangan Pemuda UMNO untuk anak bangsanya," katanya.

Desakan itu dibuat sebagai susulan daripada hasrat Pemuda UMNO sebelum ini supaya UiTM yang menjadi universiti kebanggaan orang Melayu mempunyai fakulti perubatannya sendiri.

Dalam perkembangan lain beliau berkata, anak Melayu kini sudah membuktikan kebolehan dalam bidang pendidikan apabila lebih ramai pelajar Melayu layak diterima

masuk ke institusi pengajian tinggi (IPT) menerusi sistem meritokrasi.

"Sistem meritokrasi menjadi persoalan ketika diperkenalkan tahun lalu tetapi kini anak Melayu sudah mencapai kejayaan yang membanggakan," katanya.

Justeru katanya, terbukti bahawa sistem meritokrasi yang dikritik sebelum ini sudah diterima sebagai satu dasar setelah penjelasan mengenainya dibuat.

Kejayaan itu juga katanya, membuktikan orang Melayu bersedia bangkit apabila dicabar dan yakin menjadi satu bangsa yang kembali mencabar.

Katanya, apa juga sistem atau dasar yang diperkenalkan mungkin tidak diterima pada masa ini tetapi dinilai dalam tempoh masa yang panjang.

"Bagaimanapun syarat kepada kejayaan itu ialah supaya orang Melayu bersedia mengubah hala tuju dan minda mereka," katanya.

Orang Melayu juga katanya, pa-

tut berbangga mempunyai pemimpin yang bersedia mengemukakan dasar dan bangkit memberi penjelasan kepada pengikutnya.

"Kalau haluan angin tidak terdaya dirempuh mesti ada nakhoda yang berani menjadi jaguh yang berani," katanya.

Orang Melayu katanya, tidak perlu terlalu melatah dan emosi dan bimbang bahawa dasar-dasar kerajaan akan dianggap mencabul hak keistimewaan orang Melayu sebaliknya mereka perlu bersedia keluar daripada benteng mereka untuk bersaing dalam dunia luar.

Pemuda UMNO katanya, bersedia menangani isu-isu kontroversi dan menjadi benteng pertahanan kepada pemimpin parti.

"Biar berkocak air selautan, biar debu segunung berterbangan, biar bercacak keris dan lembing hak keistimewaan tetap dipertahankan, tetapi jangan terlalu negatif kerana ada ketikanya kita perlu memandang jauh ke hadapan," katanya.